



**BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang di bawah bagi menyertai tender berikut :

NO. TENDER : SUK : BPTM 1/2022
TAJUK TENDER : MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG,
MENGUJI DAN MENTAULIAH KOMPUTER RIBA,
KOMPUTER *DESKTOP* DAN ALAT PENCETAK
BAGI JABATAN-JABATAN NEGERI KELANTAN
KOD BIDANG : **210101, 210102 & 210103**
TARIKH IKLAN : 18 JAN 2022
TARIKH TUTUP : 07 FEB 2022 sebelum atau pada 12.00 tengahari

Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.

Petender yang ingin menyertai tender ini mestilah mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan yang masih aktif. Dokumen Tender boleh diperolehi mulai 18 Jan 2022 pada waktu pejabat di Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Tingkat 1, Blok 6 Kompleks Kota Darulnaim, 15503 KOTA BHARU KELANTAN dengan harga RM 50.00 (mengemukakan Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan) secara bayaran tunai atau dalam bentuk Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Bank Deraf yang dibuat atas nama SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN (yang tidak akan dikembalikan).

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan serta semua dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul Surat berlakri seperti arahan di dalam Dokumen Tender serta dimasukkan ke dalam Peti Tender di Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Tingkat 1, Blok 6 Kompleks Kota Darulnaim, 15503 KOTA BHARU, KELANTAN **sebelum atau pada 07 Feb 2022 jam 12.00 tengahari.**

Petender yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen tender bolehlah berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang dipos kepada alamat berikut :

Pengarah
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan,
Tingkat 1, Blok 6 Kompleks Kota Darulnaim,
15503 KOTA BHARU, KELANTAN